

TARIKH : 3.8.2019 (SABTU)
MEDIA : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9

Bukan sukar tentukan tarikh berundur

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Menginggu negara stabil daripada pelbagai aspek terutamanya ekonomi serta bergerak ke arah menjadi negara maju se- lain perjalanan pentadbiran berjalan dengan lancar merupakan perkara bersifat subjektif.

Penganalisis politik dari Universiti Mala-ya, Prof Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi berkata, sedangkan Dr. Mahathir yang pernah mentadbir selama 22 tahun pun Malaysia masih tidak berubah menjadi negara maju.

Kata beliau ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, atas sebab itu alasan yang diberikan Dr. Mahathir bahawa beliau akan berundur apabila mendapati keadaan dalam negara sudah licin dan lancar serta sudah boleh maju dilihat sebagai kenyataan yang sangat bersifat politikal.

"Alasan itu tidak sewajar-nya digunakan untuk menangguhkan pelan peralihan kuasa sebagaimana dipersetujui dalam konsensus Majlis Presiden Pakatan Harapan.

"Bukanlah sukar menentu-kan tarikh berundur kerana se- cara spesifiknya ia turut mem-beri impak lebih baik kepada rakyat dan keyakinan tinggi pelabur asing bahawa negara

dalam proses demokrasi yang lebih subur," katanya.

Tambah Awang Azman, ibarat pepatah Melayu, patah tumbuh hilang berganti wa- jar diharmonikan dalam pemerintahan negara kerana usaha menongkat langit bukan lagi diamalkan oleh kepimpinan negara maju.

Jelas beliau, atas sebab itu maka terdapat beberapa ne- gara menetapkan tempoh selama dua penggal sahaja ke-

pada ahli politik. "Ramai lagi bakat kepimpinan politik yang perlu dike- tengahkan sebagai proses meremajakan parti dan pemerintahan agar relevan dengan semangat zaman," katanya.

Dr. Mahathir semalam berka- ta, beliau akan berundur apabila mendapati keadaan dalam ne- gara sudah licin dan lancar serta sudah boleh maju dari situ.

"Ia mungkin mengambil masa dua tahun, mungkin tiga tahun, saya tidak tahu, tetapi kita sedang mengusahakannya," kata beliau apabila ditanya mengenai kenyataan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bahawa Dr. Mahathir perlu berkhidmat sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal.



AWANG AZMAN